

POIC 2018, KESIAPSEDIAAN (ALL SYSTEMS GO)

(1) POIC Kedudukan Terkini

POIC sekarang adalah sebuah pusat pelaburan yang mula berkembang dengan pembangunan pusat pemprosesan baja dan kilang penapisan minyak yang sudah siap beroperasi. Pembangunan ini menjadi kenyataan kerana tersedianya infrastruktur yang diperlukan untuk pelbagai rangkaian kilang pemprosesan, bekalan logistik dan bantuan eksport.

Pelabuhan kontena adalah infrastruktur yang terakhir dibina (siap pada 25hb Mac 2018) melengkapkan infrastruktur asas yang diperlukan untuk operasi di POIC. Hala tuju POIC jelas dinyatakan dalam kenyataan visi, misi dan strateginya.

(2) Visi, Misi dan Strategi POIC

Visi

Membangunkan lebih banyak aktiviti perkilangan dan pelabuhan dengan mengeksplorasi industri sawit sebagai sektor utama.

Misi

POIC berhasrat untuk merealisasikan visi dengan menetapkan proses perindustrian yang dinamik dan berkembang pesat. Matlamat utama adalah untuk mengenal pasti kekurangan infrastruktur dan keperluan asas kearah menampung pelancaran sesebuah sektor perindustrian¹.

(Nota ¹: Pelancaran sesebuah industri adalah penting kerana semua negara yang berpendapatan tinggi di seluruh dunia mempunyai nisbah tertinggi KDNK).


Strategi

Sektor sawit digunakan sebagai sektor utama untuk memulakan perindustrian di Sabah. Strategi ini akan memberi tumpuan kepada produk yang mempunyai nilai tambah yang tertinggi.

(3) Infrastruktur

Pada tahun 2005, bila POIC ditubuhkan, kekurangan kawasan perindustrian dan pelabuhan laut di kawasan penanaman kelapa sawit menjadi satu kekurangan bagi negeri Sabah. Ini mengalakkan penubuhan POIC untuk memberikan tumpuan kepada pembinaan infrastruktur asas dan secara khususnya menambah nilai tinggi produk kelapa sawit. Dari segi operasi, pendekatan untuk mengenal pasti pautan yang hilang adalah seperti yang tertera dalam Rajah 1.

Rajah 1: Tugasan POIC Umpama Menyusun Potongan Gambar



Usaha POIC dalam mengenal pasti keperluan untuk menambah nilai industri hiliran kelapa sawit dilaksanakan melalui pembiayaan kerajaan serta melalui kerjasama dengan sektor swasta. POIC telah menyediakan infrastuktur seperti:

3.1 PEMA (POIC Emergency Mutual Aid) - Bantuan kecemasan POIC PEMA adalah pasukan bertindak untuk kecemasan dan keselamatan yang melibatkan pihak pelabur POIC; PEMA dikendalikan oleh Jabatan BOMBA & Penyelamat Malaysia (Sabah).

3.2 Polis Bantuan

POIC kini mempunyai Polis Bantuan sendiri, di mana, faktor keselamatan adalah sangat penting untuk para pelabur dan juga adalah keutamaan POIC.

3.3 Pembekal Biomass MCE

My Clean Energy Sdn Bhd adalah sebuah syarikat khusus dalam pembekalan biomass. Tujuan utama ini adalah untuk mencapai bekalan biomass sawit berskala besar dan konsisten untuk jangka masa panjang.

3.4 Tangki Terminal

POIC tengah membina infrastruktur khas untuk penyimpanan produk kelapa sawit dan secara langsung mempromosikan lebih banyak lagi peluang pelaburan.

3.5 Tangki Penyimpanan Air

Tangki penyimpanan air yang boleh menampung 3 juta gelen air memastikan bekalan air konsisten dan mencukupi.

3.6 Grid Elektrik

POIC mempunyai rangkaian grid elektrik yang komprehensif iaitu 132/22/11KV. Rangkaian grid elektrik ini direka untuk mengoptimumkan kestabilan bekalan elektrik.

3.7 Rak paip

Infrastuktur khas di POIC untuk membolehkan para pelabur menyalurkan pelbagai jenis cecair pukal dari kilang terus ke kapal laut melalui sistem pertukaran paip.

3.8 Kilang penapis minyak

POIC mempunyai dua buah kilang penapisan minyak kelapa sawit yang beroperasi. Loji Oleokimia yang pertama di Sabah terletak di POIC menggunakan minyak kelapa sawit sebagai bahan utama dalam pemprosesan asid stearik dan menghasilkan sabun sebagai produk sekunder. Dengan pembinaan Terminal Kontena di POIC, pengeksportan kontena yang diperlukan oleh loji oleokimia dan industri hiliran menjadi satu kenyataan.

3.9 Peluang Pekerjaan

Sehingga kini, 1000 peluang pekerjaan telah dicipta dan kebanyakannya berasal dari Lahad Datu.

3.10 Kapal Tunda

Perkhidmatan dua buah kapal tunda di bawah jagaan pihak Kasi Malaysia Sdn Bhd disediakan khusus untuk operasi pelabuhan

3.11 Stevedoring

TS Shipping and Forwarding Sdn Bhd adalah sebuah syarikat pengangkutan darat yang terbesar di Sabah. TS Shipping menyediakan peralatan pemunggahan (forklift, traktor untuk *grabs* dan *hoppers*) di POIC.

3.12 Gudang Siap Dibina untuk disewa



*General cargo –
PKE/PKS warehouse*



*General cargo –
Uncladded Warehouse*



*Biomass Collection
Warehouse*

POIC READY BUILT WAREHOUSES FOR LEASE (OUTSIDE PORT AREA)

BIOMASS COLLECTION WAREHOUSE

Total built up:	46,500 sq.ft (4,320m ²)
Each unit:	15,500 sq.ft (1,440m ²)
Total unit:	3 units
Location:	POIC Phase 3A, Lot 50
Specs:	50m(W), 100m (L), 12m (H)
Status:	Completed - Vacant

GENERAL CARGO - UNCLADDED WAREHOUSE

Total built up:	53,819 sq.ft (5,000m ²)
Total unit:	1 unit
Location:	POIC Phase 2, Lot 35A
Specs:	50m(W), 100m (L), 12m (H)
Status:	Completed - Vacant

GENERAL CARGO - CLADDED WAREHOUSE

Built up area:	53,819 sq.ft (5,000m ²)
Each unit:	17,760 sq.ft (1,650m ²)
Total unit:	3 units
Location:	POIC Phase 2, Lot 35A
Specs:	50m (W), 100m (L), 11.83m (H)
Availability:	2nd Quarter 2018

POIC READY BUILT WAREHOUSES FOR LEASE (WITHIN PORT AREA)

BULK CARGO / BAGGED FERTILISER) WAREHOUSE

Total built up:	40,364 sq.ft (3,750m ²)
Total unit:	1 unit
Location:	POIC Phase 1, Lot 12
Specs:	50m (W), 75m (L), 9m (H)
Availability:	2nd Quarter 2018

GENERAL CARGO / PKE / PKS WAREHOUSE

Total built up:	67,812 sq.ft (6,300m ²)
Total unit:	1 unit
Location:	POIC Phase 1, Lot 12
Specs:	60m (W), 105m (L), 12m (H)
Availability:	4th Quarter 2018

3.13 POIC Port City @ POIC Lahad Datu

Dilengkapkan dengan lot kedai/pejabat 3 dan 4 tingkat, berkembar dan separa berkembar, dan gudang industri ringan terletak di POIC Fasa 1.

**POR CITY @POIC
(BRISTEEL PROPERTIES SDN BHD & BRISTEEL HORIZON SDN BHD)**

Keluasan tanah: 30.87 ekar di Fasa 2, POIC Lahad Datu

Perjanjian Jual-Beli ditandatangani: 18/6/2010, 23/12/2011, 14/1/2011 and 5/1/2012

Anggaran pekerjaan dicipta: 91

Aktiviti perniagaan di POIC: Pembangunan Komersial Tempatan/SMI (Gudang Industri Ringan)

Pembangunan ini merangkumi kilang siap bina, bangunan kedai dan pejabat dan disasarkan khas untuk gerai dan kedai makanan.

3 & 4tingkat kedai/pejabat (36 lot)

4 tingkat=4342 kaki persegi ke 5154 kaki persegi

3 tingkat=3229 kaki persegi ke 3853 kaki persegi

3 tingkat kompleks pejabat (48 lot)

Saiz Pertengahan/sudut pertengahan = 4,020-6,714 kaki persegi

Gudang Industri Ringan (22 lot)

Kawasan unit terpisah biasa yang dibina adalah 12,433 kaki persegi

Kawasan unit separuh terpisah adalah 6,737 kaki persegi

3.4 Perumahan, Khazanah Jaya Sdn Bhd

Taman Khazanah Indah dibina bersebelahan dengan Fasa 3 POIC. (Pembangunan taman perumahan itu dimulakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) pada tahun 2009 untuk membina 2,622 unit rumah dan kedai). Pada tahun 2012, Khazanah Jaya telah mengambil alih

projek ini dan membina 282 unit rumah teres satu tingkat. Projek ini mempunyai potensi untuk memenuhi keperluan perumahan bagi pekerja yang bekerja dalam kawasan POIC. Persefahaman di antara Khazanah Jaya Sdn Bhd dan POIC dilaksanakan dalam membangunkan pelbagai jenis projek hartanah untuk memenuhi keperluan perumahan di POIC. Beberapa unit telah siap dan sudah dibuka untuk penyewaan.

3.15 Shippers

POIC sedang berkerjasama dengan Evergreen, MTT, SITC dan Harbour Link untuk perniagaan yang berkaitan dengan pelabuhan.

Evergreen Marine Corporation

Evergreen Line mengendalikan perniagaan kontena keempat terbesar di dunia, dengan mempunyai 190 unit kapal berkapasiti lebih kurang 850,000 TEUs yang menggunakan 240 pelabuhan di seluruh dunia dari sekitar 80 negara

Laluan perkhidmatan

- a) *Far East – Amerika Utara*
- b) *Far East – Eropah Utara & Mediterranean*
- c) *Eropah – Pantai Timur Amerika Selatan*
- d) *Far East – Amerika Latin*
- e) *Far East - Afrika*
- f) *Sub benua Intra - Asia, Asia – Timur Tengah, Australia and Asia India*
- g) *Intra - Eropah and Mediterranean*

Perkhidmatan Pengangkutan Laut

- a) *Full Container Load*
- b) *Consolidation*
- c) *Less Than Container Load*
- d) *Buyer Consolidation*
- e) *Multi-Country Consolidation*
- f) *Special Cargo Handling*

- g) *Refrigerated Cargo*
- h) *Awkward Cargo*
- i) *Door to Door and Intermodal*
- j) *Cargo Tracking*
- k) *Customs Clearance*
- l) *U.S. ISF Filing*

MTT Shipping Sdn Bhd

MTT Shipping Sdn Bhd (est. 2010) menawarkan liputan pelabuhan yang komprehensif di seluruh Malaysia.

Jadual pelayaran kapal MTT ialah tiga kali seminggu ke Kuching dari Kota Kinabalu, dua kali seminggu ke Sibu, Bintulu dan Miri. Jadual pelayaran ini adalah tambahan kepada jadual pelayaran mingguan ke Labuan, Sandakan, Tawau dan Muara, Brunei.

MTT menyediakan kekerapan pelayaran terbaik, masa transit, kapasiti dan liputan pelabuhan yang komprehensif di antara Semenanjung Malaysia dan Sabah, Sarawak, Brunei.

Perkhidmatan

- a) *Total logistics operations, management and consultancy*
- b) *Customs brokerage*
- c) *Inventory & supply chain management*
- d) *Logistics centre (warehousing) management*
- e) *Vendor management*
- f) *Trucking and local distribution*
- g) *Material procurement outsourcing*
- h) *Container haulage*
- i) *Material hub management & IPC*
- j) *Domestic shipping services*
- k) *Finished goods hub & RDC*
- l) *Shipyard and slipway*

- m) *Integrated door-to-door services*
- n) *Barging*
- o) *Multimodal international freight forwarding*
- p) *Stevedoring*
- q) *Specialised logistics management for pharmaceutical, EMS and MCG products*
- r) *Bulk cargo, heavy equipment & material handling services, maintenance, leasing and trading*
- s) *Record management services*

HARBOUR-LINK GROUP BERHAD

Dengan teras perniagaan sebagai ejen penghantaran tempatan, Harbour-Link Group Berhad telah memperluaskan dan menawarkan perkhidmatannya dengan menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan yang komprehensif- perkhidmatannya merangkumi perundingan cukai, broker kastam dan dokumentasi kepada pergudangan, pengangkutan udara, laut dan darat, pengangkutan jentera berat, pemasangan teknikal, penyewaan kapal, pengurusan bekalan dan perkhidmatan bantuan logistik yang lain, yang boleh didapati di seluruh Negara dan rantau intra-Asia.

Aktiviti perniagaan

- 1) Perkhidmatan Logistik (*Integrated Logistics Services*)
 - Pengangkutan dan pengendalian
 - Penghantaran pengangkutan
 - Pergudangan
 - *Stevedoring*
 - Peralatan Sewa dan Perkhidmatan Jual Beli
- 2) Perkhidmatan Marin
 - Agensi perkapalan
 - kapal pukal kering
 - kapal tunda & tongkang

- Kontena Penghantaran
- 3) Kejuruteraan dan pembinaan
- LPG, LNG, bahan kimia, logi rawatan air dan efluen
 - Penambahbaikan loji
 - Aliran dan stesen meter
 - Rawatan gas dan kemudahan mampatan
 - Jaringan paip di darat
 - Stesen pam dan mampatan
 - kemudahan minyak-gas dan cryogenic
 - kemudahan depot dan tangki
 - Kerja kejuruteraan awam, pembangunan dan infrastruktur

SITC Container Lines (Sarawak) Sdn Bhd

SITC Container Lines (Sarawak) Sdn Bhd mengendalikan 77 buah kapal dan 6 *dry bulk carrier*, termasuk 48 kapal milik persendirian dalam tempoh sehingga 31hb Disember 2017. Perkhidmatan laluan utama adalah sebanyak 63 laluan meliputi 12 negara dan wilayah, 64 pelabuhan utama di wilayah China, Jepun,, Korea, Taiwan, Hong Kong, Vietnam, Thailand, Filipina, Kemboja, Indonesia, Brunei dan Malaysia. Berdasarkan statistik kapasiti perkapalan Alphaliner, SITC berada di kedudukan ke-20 dalam perusahaan global perkapalan kontena pada 31hb Disember 2017. Jumlah pengangkutan kontena 2017 melebihi 2.385 juta TEUs (tidak termasuk kontena tanpa caj)

3.16 Kejuruteraan, Perunding Pertama, Jurutera Perunding

Perunding Pertama adalah firma perundingan kejuruteraan yang menyediakan dan menyelaraskan kerja-kerja kejuruteraan di POIC sejak tahun 2006. Selain Perunding Pertama, Rumahkaya Sdn Bhd dan Sistem Konsult Sdn Bhd juga bekerjasama dengan POIC dalam mereka bentuk pelan elektrikal, operasi dan penyenggaraan

3.17 Pusat pengumpulan Biomass: Penyelesaian POIC untuk merapatkan jurang dalam pelaburan

Peluang pelaburan penambahan nilai biomass kelapa sawit menawarkan peluang pelaburan yang luas. Walaubagaimanapun, keupayaan untuk mendapatkan akses jumlah besar *biomass* adalah sukar. Bagi menangani masalah ini, POIC sedang membangunkan pusat pengumpulan biomass yang terletak berhampiran dengan kilang minyak sawit. Pusat pengumpulan disediakan untuk:

- (i) meminimumkan kos pengangkutan biomass jarak jauh (kurang daripada 50km)
- (ii) pusat rawatan sisa air
- (iii) menggunakan janakuasa lebih dari kilang sawit
- (iv) Setiap pusat pengumpulan akan berada dalam radius 50km, yang secara umumnya menawarkan akses kepada 30-40 buah kilang
- (v) Menstabilkan bekalan dan menawarkan tahap harga yang sesuai

3.18 Bantuan kepada para pelabur dalam persediaan menubuhkan perniagaan di POIC Lahad Datu

BEFORE SALES

LICENSE

- MIDA Manufacturing License (MFL) [or] Sabah Government Approval (SGA)
- Render assistance to submit the license application to MIDA Sabah & MIDA HQ
- Render assistance to obtain State Government's No Objection Letter (NOL) to support application

DOE APPROVAL

- AS-PAT (Preliminary Site Assessment)
To determine the compatibility of the proposed project with the proposed site
- TOR (Term of Reference)
Subject to AS-PAT if recommended for TOR
- EIA (Environmental Impact Assessment)
Subject to TOR approval if recommended for EIA
- Render assistance on submission of application to DOE
- Assist to follow up on the status of approval of AS-PAT / TOR / EIA
- Facilitate investor on the approval

AFTER SALES

PROJECT IMPLEMENTATION

- Development Plan (DP)
- Building Plan (BP)
- Coordinate endorsement of plans by POIC's authorised signatory
- Assist on plans submission to Local Authority after plans endorsed by POIC
- Assist to follow up on approvals by the Lahad Datu District Council (MDLD)

IMMIGRATION APPROVAL

- Application for Expatriate Post
- Application for Professional Post
- Render assistance on submission to Immigration
- Assist to follow up on the status of application

APPLICATION FOR UTILITIES

- Application for Water
- Application for Electricity
- Application for Telecommunications
- Land line & Streamyx by TM, Lease Line by CTS, wireless services by Telco provider
- Render assistance for application of electricity and telecommunocations
- Facilitate approval process


3.19 Alam Sekitar

Keadaan persekitaran adalah isu utama dalam pembangunan POIC yang juga perlu dipatuhi oleh semua syarikat yang beroperasi di POIC. Kami telah menjalankan aktiviti penanaman semula bakau, mencari jalan alternatif untuk membawa tandan buah kosong sawit ke POIC untuk pemprosesan, POIC menganjurkan program kesedaran alam sekitar di sekolah dan bekerja ke arah *green port operation*. Kami juga telah bekerjasama dengan Ramsar untuk memulihara beberapa tempat di taman perindustrian.

3.20 Tanah

Daripada 4,784 ekar kawasan tanah dan laut di bawah POIC, 1,367 ekar tanah telah dibangunkan sepenuhnya dengan infrastruktur asas (Gambarajah 2).

Gambarajah 2: Status Tanah Fasa 1, 2 dan 3 POIC Lahad Datu



4) POIC Jangkauan Luar

JUMLAH SYARIKAT YANG TELAH DITEMU (2015 – 3/2018)

2015	2016	2017	2018
641 syarikat	265 syarikat	197 syarikat	26 syarikat
Jumlah = 1129 syarikat			

4.1 Bio-economy Corporation

- Bioeconomy Corp adalah agensi utama dalam membangunkan industri-bio di Malaysia. Di bawah naungan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Bioeconomy Corp bertanggungjawab melaksanakan objektif Dasar Bioteknologi Negara (NBP) dan mengenal pasti nilai dalam R&D dan perdagangan serta menawarkan bantuan kewangan untuk tujuan tersebut.

Latar belakang Bioeconomy Corp.

- Di miliki sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan, Perbadanan dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan
- Ditadbirkan oleh Majlis Perlaksanaan BioTeknologi
- Saranan Panel Penasihat Antarabangsa Bio-Ekonomi, yang dipengerusikan oleh YB Perdana Menteri Malaysia

POIC Lahad Datu adalah koridor pelaburan yang dipromosikan oleh Bioeconomy Malaysia untuk projek berdasarkan bio. Perbadanan ini membolehkan POIC menarik para pelabur dari Amerika Syarikat dan Eropah.

4.2 MIDA

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) adalah agensi utama dalam mempromosikan sektor pembuatan dan perkhidmatan di Malaysia. MIDA memberikan bantuan kepada syarikat-syarikat yang berminat untuk melabur dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan bagi memudahkan perlaksanaan projek.

MIDA membantu dalam mempromosikan POIC sebagai salah satu tapak yang berpotensi untuk pelaburan tempatan dan luar negara, terutamanya dalam industry minyak sawit, minyak dan gas, pelabuhan dan logistic serta industri lain. Menerusi misi perdagangan MIDA, POIC telah berjaya menemui beberapa pihak pelabur dari industri biomass dan biokimia dari negara Eropah, Amerika Syarikat, Jepun dan Korea.

Insentif Pelaburan MIDA (yang berkaitan dengan POIC)

- Insentif untuk pelaburan semula dalam penggunaan biomass daripada kelapa sawit untuk penghasilan produk tambah nilai
 - 1) Status Perintis (PS) dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% ke atas pendapatan statuori untuk tempoh 10 tahun. Tiada penyeraaan ke atas elaun modal dan kerugian terkumpul ditanggung semasa tempoh perintis dan boleh dibawa ke hadapan dan ditolak dari pendapatan pasca syarikat.
 - 2) Elaun Cukai Pelaburan (ITA) sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak ditanggung dalam tempoh 5 tahun. Elaun ini boleh digunakan untuk mengimbangi 100% pendapatan statuori dalam taksiran setiap tahun. Elaun yang tidak diguna pakai boleh diserapkan ke hadapan.
 - 3)

4.3 Agensi Inovasi Malaysia (AIM)

AIM adalah badan bekanun yang diwujudkan untuk memacu proses penghasilan untung melalui pengetahuan, teknologi dan inovasi dalam membangunkan eko sistem inovasi di Malaysia.

POIC Sabah dan AIM telah bekerjasama dalam beberapa sektor untuk:

- Membangunkan strategi yang lebih spesifik kepada National Biomass Strategi di Sabah
- Membangunkan Kluster JV Biomass LD
- AIM dan Kerajaan Negeri Sabah menjalankan Rancangan Pembangunan Industri Biomass Sabah (SBIDP)
- AIM dan Kerajaan Negeri Sabah telah membangunkan rangka kerja dan menubuhkan jawatankuasa untuk melaksanakan SBIDP menerusi Pasukan Petugas Biomass Sabah

Inisiatif yang berterusan

1) Pelan Tindakan Pembangunan Industri Biomass Sabah (*Sabah Biomass Industry Development Action Plan - SBIDP*)

- Agensi Inovasi Malaysia telah bekerjasama dengan Sabah dan Sarawak untuk membangunkan Rancangan Pembangunan Industri Biomass. Rancangan pelan Sarawak akan diketuai oleh Unit Perancang Negeri Sarawak (SPU) dan bagi rancangan pelan Sabah, ia akan diketuai oleh Kementerian Pembangunan Perindustrian (MID) Sabah. SBIDP dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri Malaysia pada Februari 2016.
- SBIDP menggariskan pelan tindakan yang nyata untuk membangunkan industry biomass di Sabah, termasuk pelaburan yang berpotensi dalam sektor biokimia

- Rancangan ini mempunyai maklumat terperinci dan menentukan aliran bekalan biomass untuk mengkaji peluang industri biomass di Sabah
 - Untuk memastikan kejayaan pelaksanaan SBIDP, Jawatankuasa Pemandu Persekutuan telah ditubuhkan dengan bantuan daripada Pasukan Petugas Biomass. Jawatankuasa Pemandu akan memastikan konsistensi projek biomass selari dengan objektif dan matlamat yang ditubuhkan dalam SBIDP
 - POIC Sabah berperanan sebagai Ahli Majlis akan memulakan Pusat Pengumpulan Satelit Biomass (PSBCC) sebagai peneraju kepada SBIDP. Inisiatif ini adalah untuk mempromosikan aktiviti perindustrian dan pengeksportan produk biomass yang berkaitan dengan minyak sawit.
- 2) **Projek Usahasama Biomas Berkelompok (JV) (*Biomass Joint Venture (JV) cluster project*)**

Projek Usahasama Biomas Berkelompok (JVC) yang diterajui bersama oleh AIM dan POIC, Negeri Sabah, bertujuan untuk memberi manfaat kepada para pemilik biomass dengan menggabungkan sumber mereka dalam memastikan bekalan biomass sentiasa cukup - perkongsian ini diwujudkan di antara syarikat-syarikat di mana pemilik biomass akan diberikan kuasa penuh untuk menentukan jumlah biomass yang boleh dilaburkan. Model ini akan melalui interaksi berterusan demi memenuhi keperluan geografi tempatan dan perubahan persekitaran

5) Pencapaian peringkat awal

Pencapaian ketara pada peringkat awal perkembangan POIC adalah seperti berikut:

- Genting, kilang bio-kimia berasaskan sawit yang pertama di Sabah
- SPC dan Global BioDiesel merupakan pengeluar biodiesel kelapa sawit yang terbesar di Sabah
- Lokasi perindustrian pertama yang melakar pelaburan beskala besar (GBD - Korea Selatan; SPC - Disenaraikan di ASX, Sydney; Zurex - Disenaraikan di AIM, London; Gamalux - Pakistan; (Sabah Softwoods Hybrid Fertilizer Sdn Bhd) - Disenarai di Taiwan; Mewah - Disenarai di Singapura)
- Pusat pemprosesan baja terbesar di Malaysia
- Dua kilang pemprosesan *Spent Bleach Earth* (SBE) yang pertama di Sabah
- Green Biomass Sdn Bhd, kilang bio-pelet yang pertama di Sabah
- Taman Perindustrian pertama di mana kargo pukal cecair disalurkan terus dari kilang ke kapal laut
- Terminal tangki besar yang pertama, yang bersambung terus ke persimpangan saluran paip
- Kemudahan pelabuhan yang komprehensif – pukal kering STS, pukal *unloader* yang dilengkapi dengan kren jeti, pukal cecair untuk pelbagai saiz, kemudahan pendaratan tongkang dan kontena yang dilengkapi STS
- Kren STS pertama yang dilengkapi pelabuhan kontena dengan tapak perindustrian bersebelahan kawasan perindustrian yang dikhaskan untuk sewa beli

- Industri kompleks yang terbesar terletak berdekatan dengan pusat Bandar, lapangan terbang, hospital, bank dan telekomunikasi
- Kren STS pertama yang lengkap di pelabuhan Pantai Timur Sabah
- Penubuhan pusat pengumpulan biomass kelapa sawit berskala besar berhampiran dengan kilang minyak kelapa sawit
- Loji Oleokimia yang pertama dalam menggunakan minyak kelapa sawit sebagai bahan mentah
- Zurex, kilang pertama di Sabah yang menggunakan pelbagai bahan nano grafir (*Graphene*) dalam pembuatan bahan kimia
- Tiga kilang penapisan kelapa sawit yang berpusat dalam satu lokasi perindustrian – Genting Musimas Refinery Sdn Bhd, Zurex Corporation Sdn Bhd dan Mewah Datu Sdn Bhd
- Taman perindustrian pertama yang menubuhkan Skim Bantuan Kecemasan di Sabah (*POIC Emergency Mutual Aid - PEMA*)

Sekiranya anda terlepas dua artikel pertama tentang “**Kontena Pelabuhan POIC**” dan “**POIC Mencapai 1 Juta MT Kargo**”, sila imbas di Kod QR di bawah:

No.	Artikel	Kod QR
1.	Kontena Pelabuhan POIC	
2.	POIC Mencapai 1 Juta MT Kargo	